

Pilih bahasa **bersesuaian** bidang kerjaya

Oleh Noor Azlina
Zainuddin
azlina.z@bh.com.my

► Kuala Lumpur

“Pemilihan bahasa ketiga yang ingin dikuasai bergantung kepada keperluan pelajar terutama kaitannya dengan bidang kerjaya yang bakal diterokai, bukannya dipengaruhi unsur lain seperti saja suka-suka atau sekadar mengikut kawan.”

Demikian nasihat pelajar Sarjana Muda Undang-undang Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Muhammad Aiman Syahmi Abdul Razak, 20, ketika ditanya mengenai pendekatan terbaik dalam memilih bahasa ketiga untuk di- pelajari.

Muhammad Aiman yang memiliki pengetahuan asas dalam bahasa Arab yang dipelajari ketika zaman persekolahan berhasrat mendalami bahasa berkenaan pada semester depan.

“Saya bercadang untuk meneruskan pengajian dalam bidang undang-undang syariah pada masa akan datang dan bidang ini memerlukan saya fasih dalam bahasa Arab.

“Penguasaan bahasa Arab yang baik dapat memudahkan saya melakukan rujukan pembelajaran menggunakan bahan bacaan dalam bahasa berkenaan selain persediaan terbaik bergelar peguam syariah suatu masa nanti,” katanya ketika ditemui, baru ini.

Bahasa suku kaum

Sementara itu, pelajar Universiti Pendidikan

Sultan Idris (UPSI), Rashveni Selvakumar, 21, turut mengakui kemampuan bertutur dalam pelbagai bahasa akan membuka peluang kerjaya yang lebih luas terutama di syarikat dalam negara bertaraf antarabangsa atau bekerja di negara tertentu.

“Selain bahasa asing seperti Perancis, Sepanyol, Jepun dan Korea serta Mandarin, Tamil dan bahasa Arab yang sering menjadi pilihan pelajar, kita juga boleh cuba kuasai kepelbagaian bahasa suku kaum peribumi di Sabah dan Sarawak seperti Iban serta Kadazan.

“Paling penting, pelajar perlu mempunyai kesedaran betapa pentingnya penguasaan pelbagai bahasa tanpa menjadikan latar belakang keluarga mahupun persekitaran sebagai alasan,” katanya.



“SAYA BERCADANG UNTUK MENERUSKAN PENGAJIAN DALAM BIDANG UNDANG-UNDANG SYARIAH PADA MASA AKAN DATANG DAN BIDANG INI MEMERLUKAN SAYA FASIH DALAM BAHASA ARAB”

Muhammad Aiman
Syahmi Abdul Razak,
Pelajar UKM



“PALING PENTING, PELAJAR PERLU MEMPUNYAI KESEDARAN BETAPA PENTINGNYA PENGUASAAN PELBAGAI BAHASA TANPA MENJADIKAN LATAR BELAKANG KELUARGA MAHUPUN PERSEKITARAN SEBAGAI ALASAN”

Rashveni Selvakumar,
Pelajar UPSI